

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 22 Jun 2021 10:01
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kuatkan Akidah Hadapi Covid-19



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 JUN 2021 / 12 ZULKAEDAH 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

KUATKAN AKIDAH HADAPI COVID-19



UUM ONLINE: Umat Islam diingatkan supaya sentiasa mempersiapkan diri dengan kekuatan akidah supaya tidak menyalahkan takdir yang ditentukan dalam menghadapi cabaran pandemik Covid-19 yang masih belum berakhir.

Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML), Prof. Dr. Nor Hasni Osman berkata, seorang mukmin perlu mempersiapkan diri dengan meningkatkan ilmu, iman dan amal kerana Covid-19 bukan hanya satu ujian biasa tetapi ujian akidah buat umat Islam di seluruh dunia.

Menurutnya, segala usaha sebagai manusia yang telah dilakukan untuk menghalang jangkitan pandemik ini telah mencapai tahap maksimum dengan mengerah seluruh kekuatan aset negara dan menyaksikan pengorbanan petugas barisan hadapan khususnya.

“Ujian akidah kita antaranya apabila kita anggap usaha kita yang boleh halang Covid-19 sehingga mengerah kekuatan sehabis daya.

“Setiap usaha yang dilakukan walaupun kita telah lakukan yang terbaik tetapi yang menentukan kejayaan adalah Allah Maha Esa, jadi letakkan tawakal sepenuhnya hanya kepada-Nya,” katanya.

Prof. Dr. Nor Hasni turut mengingatkan supaya umat Islam agar menguatkan pergantungan kepada Allah, di samping menjalankan tugas sebagai hamba untuk taat dan patuh kepada perintah-Nya kerana hanya Dia saja yang mampu mengangkat pandemik ini dari muka bumi.

Sementara itu, pensyarah di Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Dr. Mohd Adib Abd Muin berkongsi langkah-langkah yang dilakukannya untuk menghadapi Covid-19 seperti muhasabah diri, sabar dan redha dengan takdir Allah SWT.

“Semua rakyat Malaysia perlu dengar dan patuh arahan kerajaan dengan duduk di rumah, ikut prosedur operasi standard (SOP) misalnya memakai pelitup muka, sentiasa basuh tangan, kemas kini MySejahtera, daftar vaksin serta jaga kesihatan dengan melakukan senaman.

“Teruskan berdoa agar pandemik ini berakhir dan kita dapat menjalani kehidupan harian seperti biasa dalam keadaan norma baharu,” katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.